

Detik terbaik dakap Piala Thomas selepas 26 tahun

15/05/2018 Ms. B4

Kuala Lumpur: Sejak kali terakhir memenangi gelaran Piala Thomas pada edisi 1992, Malaysia sehingga kini masih gagal menjulang trofi berprestij dalam sukan badminton itu.

Secara matematikanya, kemarau kini sudah berlarutan selama 26 tahun menjelang edisi 2018 di Bangkok, Thailand yang akan membuka tirai saingannya pada Ahad ini.

Bekas pemain perseorangan lelaki kebangsaan, Rashid Sidek menganggap ia adalah satu tempoh yang cukup lama, apatah lagi melihat kepada peningkatan dipamerkan negara lain khususnya Denmark yang berjaya meraih gelaran pertama pada edisi 2016 di Kunshan, China.

Rashid berharap magis akan berlaku apabila skuad negara beraksi pada edisi tahun ini di Bangkok dengan menyifatkan walaupun sukar tetapi ia bukan sesuatu yang mustahil.

“Kalau ikutkan, dulu waktu kami menjadi juara pada 1992, Malaysia sebelum itu kemarau kejuaraan selama 25 tahun tetapi kali ini sudah lebih setahun. Jadi, saya harap tahun ini akan memihak kepada kita.”

“Secara jujuranya, ia bukan mudah tetapi ia juga bukan sesuatu yang mustahil. Berdasarkan barisan pemain yang dipilih kali ini, saya sifatkan tidak terlalu kuat dan tidak terlalu lemah.”

“Apa yang penting sekarang adalah persiapan pasukan. Kita sudah tahu siapa yang bakal menjadi lawan pada peringkat kumpulan, jadi jurulatih seharusnya sudah ada bayangan pemain yang akan diturunkan berdasarkan kekuatan serta kelemahan lawan,” kata Rashid yang membarisi skuad negara ketika meraih gelaran juara 1992.

Pencapaian terbaik Malaysia dalam tempoh 10 tahun terakhir ini adalah muncul naib juara pada

edisi 2014 di New Delhi, India selepas tewas 2-3 di tangan Jepun dan mara sehingga ke separuh akhir di Kunshan.

Harap magis

Mengambil contoh saingan di New Delhi, Rashid percaya magis boleh berlaku kerana ketika itu Malaysia juga tidak diletakkan sebagai pilihan untuk mara ke final namun pemain membuktikan sebaliknya.

Berkongsi pengalaman kejayaan skuad negara pada 1992, Rashid berkata, memang sasaran pasukan ketika itu adalah untuk muncul juara selepas sekadar bergelar naib juara dalam dua edisi sebelum itu 1988 dan 1990.

“Final kali ketiga baru kami muncul juara. Sebelum menjadi juara, banyak halangan kami alami termasuk kami tewas 2-3 di tangan Korea Selatan dalam perlawanan pertama kumpulan. Namun, kami bangkit dengan menang ke atas Denmark 5-0 dan England 4-1 sekali

Info

Rekod skuad negara di Piala Thomas

- **Juara (5 kali):** 1949, 1952, 1955, 1967, 1992
- **Naib juara (9 kali):** 1958, 1970*, 1976, 1988, 1990, 1994, 1998, 2002, 201

Senarai Pemain 2018

- **Perseorangan lelaki:**
Datuk Lee Chong Wei, Lee Zii Jia, Iskandar Zulkarnain Zainuddin, Leong Jun Hao
- **Beregu lelaki:** Goh V Shem-Tan Wee Kiong, Aaron Chia-Soh Wooi Yik, Teo Ee Yi-Mohd Arif Latif
- **Kumpulan D:** Denmark, Malaysia, Russia, Algeria

gus layak ke separuh akhir sebagai naib juara kumpulan.

“Di separuh akhir, kami menang 3-2 ke atas China sebelum menewaskan Indonesia di final 3-1. Waktu itu, semangat pemain memang luar biasa kerana kami memang mahukan gelaran juara selepas dua kali berturut-turut tewas di final sebelum itu.”

“Kunci utamanya adalah semangat berpasukan yang tinggi. Walaupun kita tidak mempunyai pasukan yang kuat tetapi semangat berpasukan yang ditunjukkan pemain mampu mengubah semuanya.”

“Kami saling memberi semangat antara satu sama lain biar pun ada juga ketegangan yang timbul dalam pasukan tetapi demi kepentingan pasukan, kami lupakan semua itu,” kata Rashid.

Pada saingan di Bangkok kali ini, Malaysia diundi dalam Kumpulan D bersama Denmark, Russia dan Algeria. **Oleh Helmi Talkah**